KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KENYATAAN MEDIA

SYARIKAT MILIKAN AGENSI DAN LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH KKDW CATAT KEUNTUNGAN

Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) terus komited dalam memastikan setiap agensi serta syarikat-syarikat milikan agensi di bawahnya terus berperanan seiring dengan visi dan misi kementerian sebagai peneraju kemajuan dan kesejahteraan masyarakat desa secara menyeluruh dan berkesan.

Permukiman Syarikat Mengikut Agensi di Bawah KKDW yang dianjurkan selama dua (2) hari di Hotel Premiera, Kuala Lumpur bermula semalam telah melibatkan agensi RISDA dan FELCRA serta Lembaga Kemajuan Wilayah (LKW) iaitu KETENGAH, KESEDAR, KEDA, KEJORA dan PERDA adalah susulan daripada pemukiman Kementerian yang pertama pada bulan Februari 2024 dan pemukiman mid-review pada bulan Julai 2024.

Pertemuan hari ini bertujuan menilai status semasa syarikat dan memperhalusi gerak kerja agar setiap agensi mencapai matlamat serta penunjuk prestasi yang ditetapkan. Saya berbangga melihat pencapaian yang telah dihasilkan dan antaranya adalah :

- Prestasi kewangan **RISDA Holdings (KRH)** telah mencapai tahap RM33 juta setakat September 2024 dan saya yakin syarikat-syarikat di bawah kumpulan (KRH) ini akan mencapai unjuran RM70 juta yang ditetapkan pada akhir tahun ini.

- Melalui **Program Rancangan Tanaman Baharu Berkelompok (RTBB)RISDA** telah berjaya membayar dividen sebanyak RM 770 juta kepadapesertanya semenjak program ini diperkenalkan dengan purata keuntungan sebanyak RM220 juta hasil daripada pengurusan ladang milik RISDA yang diusahakan berjumlah 47,520 hektar.

- FELCRA Berhad telah mencatatkan peningkatan prestasi kewangan sehingga September 2024, dengan hasil pendapatan sebanyak RM1,131.49 juta berbanding RM1,019.21 juta pada tempoh yangsama tahun 2023.

- Keuntungan selepas cukai sehingga September 2024 jugamencatatkan peningkatan yang signifikan, dengan nilai sebanyak RM116.27 juta berbanding RM41.61 juta pada tempoh yang sama tahun 2023.

- Agihan keuntungan projek kepada peserta mencatatkan peningkatan dimana sehingga Interim 2 (Januari-Ogos) Tahun 2024 sebanyak RM129.82 juta telah diagihkan berbanding RM54.65 juta bagi tempoh yang sama pada tahun 2023.

- Prestasi kewangan **Kumpulan KETENGAH Holding Sdn Bhd** pula berada pada tahap yang memberangsangkan dengan pencapaian pendapatan semasa sehingga September 2024 sebanyak. RM355.78 juta. Manakala, Keuntungan Sebelum Cukai yang diperolehi sehingga September 2024 adalah sebanyak RM53.80 juta.

- Prestasi kewangan Kumpulan **KESEDAR Holding Sdn. Bhd** berada pada tahap RM1.8 juta setakat September 2024 dan diunjurkan kepada RM2.7 juta pada tahun berakhir 2024. Semua 3 subsidiari di bawah

KHSB dijangka akan mencatatkan keuntungan pada tahun berakhir 2024.

- Kumpulan **KEDA Holdings Sdn Bhd** juga mencatatkan prestasi yang sangat baik di mana 2 syarikat telah mencatat keuntungan manakala 2 lagi syarikat akan mencapai keuntungan berdasarkan unjuran hasil jualan.

- Prestasi kewangan **Kumpulan KEJORA Development Holding Sdn Bhd** mencatatkan keuntungan atas operasi sebanyak RM672 ribu sehingga Ogos 2024 dan diunjurkan kepada RM4.5 juta pada tahun berakhir 2024. Pendapatan syarikat juga menunjukkan prestasi yang memberangsangkan berbanding tahun-tahun sebelumnya, majoriti diperolehi daripada sektor harta tanah dan pelancongan. Keuntungan daripada aktiviti operasi juga menunjukkan prestasi positif berbanding tempoh separuh tahun 2024.

- Bagi **PERDA Ventures Incorporated Sdn Bhd (PVISB)** pula, prestasi kewangan direkodkan sehingga bulan September 2024 mencatatkan keuntungan sebelum cukai adalah sebanyak RM3.67 juta dan diunjurkan PVISB kekal untung sebelum cukai sebanyak RM2.7juta pada tahun berakhir 31 Disember 2024.

Melalui prestasi yang ditunjukkan, saya amat berbangga melihat komitmen dan kesungguhan yang ditunjukkan oleh setiap syarikat untuk terus mencapai matlamatnnya dan menjana keuntungan. Saya telah menyarankan agar sayarikat-syarikat ini terus fokus dalam meningkatkan potensi perniagaan sedia ada disamping berusaha untuk meneroka perniagaan dan industri baharu yang berpotesi untuk memberi pulangan

pendapatan yang tinggi.

Saya turut menekankan kepentingan organisasi melakukan pendekatan *hands-on* bagi mendepani dunia perniagaan yang semakin kompetitif. Untuk memacu kejayaan, tidak cukup sekadar berpuas hati terhadap teori

atau strategi yang ditetapkan di atas kertas - tetapi pihak pengurusan perlu terlibat secara langsung dalam setiap aspek operasi, dari perancangan hingga pelaksanaan. Dengan cara ini, kita bukan sahaja dapat mencapai matlamat organisasi, tetapi juga membina budaya kerja yang positif dan produktif.

Saya berharap agar setiap anggota organisasi di semua peringkat sentiasa menjunjung tinggi prinsip amanah dan kejujuran serta bertindak lebih proaktif dalam memajukan dan menjana keuntungan syarikat masing-masing. Semoga permukiman ini memberikan impak positif untuk memastikan semua syarikat dan agensi terus meningkatkan kecemerlangan serta mencapai keuntungan yang lebih besar pada tahun hadapan.

-TAMAT-

Ahmad Zahid Hamidi
Timbalan Perdana Menteri
Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah
30 Oktober 2024